



MENARIK: Pelajar Tahun 2 Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak FPP UMS membuat persembahan bersama kanak-kanak.

FPP UMS jayakan Konsert Muzikal Kanak-Kanak

UB 25.06.2024 P.06


KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) menjayaikan Konsert Muzikal Kanak-Kanak sebagai usaha memupuk minat kanak-kanak terhadap seni muzik.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FPP, Prof. Madya Dr. Roslee Talip, berkata program itu merupakan inisiatif memperkenalkan kanak-kanak tentang konsert muzik.

Ia diharap menjadi inspirasi bagi mencungkil minat dan memberi penghayatan terhadap seni muzik.

Katanya, program itu memperkenalkan seni muzik dan juga memberi peluang kepada kanak-kanak memahami nilai seni muzik serta membina kemahiran sosial lebih baik.

"Peranan pendidik dan ibu bapa serta orang yang berada di sekeliling kanak-kanak amat penting untuk memberi tunjuk ajar dan pengalaman sejak mereka



RASMI: Roslee merasmikan Konsert Muzikal Kanak-Kanak itu.

kecil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program konsert muzikal tersebut di Auditorium Pascasiswazah, UMS.

Beliau turut berharap persembahan itu dapat menjadi inspirasi dan membuka mata dan minda dalam memajukan seni muzik negara.

Terdahulu, Pengarah Program Konsert Muzikal, Atirah Faridi, berkata pengganjuran program Konsert Muzikal Kanak-Kanak itu bertujuan menyediakan pengalaman muzik yang mendidik dan menghiburkan bagi kanak-kanak daripada semua peringkat umur.

"Dengan fokus untuk memperkenalkan muzik

dan instrumen kepada kanak-kanak, konsert ini diharapkan dapat mencungkil minat dan penghayatan mereka terhadap seni muzik," katanya.

Lebih 120 ibu bapa dan kanak-kanak hadir bersama bagi memeriahkan pelbagai acara yang berlangsung sempena konsert tersebut.